

24/05/2003

Malik anggap cuaca jadi cabaran utama

Johari Ibrahim

PERENANG maraton negara, Abdul Malik Mydin, yang akan mengharungi laut terbuka merentas Selat Melaka dari Kuala Perlis ke Kuah, Langkawi, sejauh 48 kilometer, malam ini (SABTU) menjangka cuaca bakal menjadi cabaran kepada misinya.

Ini kerana suhu air laut yang lebih tinggi berbanding lokasi latihannya di Australia dan terpaksa berenang di bawah terik matahari selama sekurang-kurangnya sembilan jam esok akan lebih menguji ketahanannya.

"Walaupun keadaan ombak yang diramalkan setinggi di antara satu dan dua meter agak baik bagi renangan saya, faktor suhu persekitaran akan memberi cabaran. Bagaimanapun saya sudah bersedia.

"Cabaran ini tidak mudah kerana cuaca yang panas dan jaraknya jauh selain risiko perubahan arah angin," katanya ketika ditemui pemberita selepas memeriksa persiapan terakhir acara itu di Kuala Perlis, semalam.

Bagaimanapun, dia yakin mampu berenang dalam tempoh yang dirancang di antara 18 dan 20 jam untuk tiba di Langkawi.

Abdul Malik, 28, dijangka dilepaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, jam 9.30 malam ini di jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan akan tiba di Kuah sekitar jam 3 petang esok.

Dia menyifatkan cubaan merentas Selat Melaka itu sebagai latihan paling getir sebelum mengharung Selat Inggeris yang merekodkan ombak setinggi di antara tujuh dan sembilan meter sejauh 40 hingga 50 kilometer pada awal Ogos ini.

Misi Abdul Malik akan diperhatikan oleh tiga wakil Persekutuan Selat Inggeris bagi mengesahkan pencapaiannya.

Katanya selepas cabaran Selat Melaka itu dia akan kembali berlatih di Australia di bawah jurulatih John Van Wisse sebelum ke England untuk cabaran Selat Inggeris dari Dover, England ke Calais, Perancis, awal Ogos ini.

Cabaran Abdul Malik esok merangkumi berenang sembilan jam pada waktu malam dan sembilan jam pada waktu siang.

Bagi melayakkan seseorang berenang merentas Selat Inggeris, mereka perlu melepasi ujian berenang di laut terbuka tanpa henti selama sekurang-kurangnya lima jam.

Abdul Malik sudah melepasi ujian itu selepas berjaya dalam Sri Chinmoy Marathon Swim di Zurich pada 4 Ogos 2002, menduduki tempat kelima dengan catatan masa 22 jam 22 minit tanpa henti.

Sementara itu, Van Wisse mengakui faktor cuaca terutama suhu panas akan mencabar anak buahnya itu.

"Bagaimanapun, saya yakin dengan latihannya yang berterusan sejak lebih setahun lalu, dia mampu lakukan yang terbaik," katanya.